

Mercedes, Honda, BMW antara 98 buah kenderaan disita JPJ di Johor tahun lalu


Kereta mewah banyak diklon

JOHOR BAHRU - Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Johor menyita 98 kenderaan klon antaranya melibatkan kereta Mercedes-Benz, BMW, Honda dan Toyota di negeri ini sepanjang tahun lepas hingga Januari tahun ini.

Pengarahnya, Mohd. Rusdi Mohd. Darus berkata, kesemua kenderaan terbabit dikesan menerusi operasi kenderaan klon yang dilakukan anggota penguat kuasa JPJ di seluruh negeri.

"Daripada 98 kenderaan, 17 disita di Johor Bahru, Kluang (48), Muar (17), Segamat (enam), Mersing (lima), Batu Pahat (tiga) manakala Pontian (dua)," kata beliau kepada pemberita pada pelancaran Op Tahun Baru Cina di Depoh Bas Syarikat Handal Indah di sini semalam.

Menurut beliau, kenderaan yang disyaki klon ditahan di lokasi yang dikenal pasti dan menjalani pemeriksaan sebelum dibawa balik ke pejabat



MOHD. RUSDI melepaskan bas ekspres yang telah diperiksa oleh JPJ selepas sidang akhbar sempena pelancaran Op Tahun Baru Cina di Depoh Bas Syarikat Handal Indah di Kawasan Perindustrian Tebrau IV, Johor Bahru semalam.

JPJ berhampiran sekiranya nombor casis dan nombor pendaftarannya tidak sama seperti dalam sistem data JPJ.

Beliau berkata, kebanyakan kenderaan klon yang dikesan sepanjang tahun lalu adalah melibatkan Mercedes-Benz,

BMW, Honda dan Toyota.

Berikutan itu, kata beliau, JPJ Johor akan mempertingkatkan operasi ke atas kenderaan klon secara berterusan dan menasihati orang ramai supaya berhati-hati sekiranya ditawarkan kenderaan pada

harga murah kerana dikhuatiri ia adalah kenderaan klon.

Mengenai Op Tahun Baru Cina, Mohd. Rusdi berkata, 144 anggota penguat kuasa dan 65 anggota Skwad Muda 1 JPJ akan terlibat pada operasi yang bermula hari ini sehingga 16 Februari.

Beliau berkata, operasi terbabit turut melakukan aktiviti advokasi kempen keselamatan jalan raya di dua lokasi iaitu kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Machap dan R&R Pagoh arah utara dan selatan.

"Op Tahun Baru Cina ini akan menumpukan penguatkuasaan kepada pemandu bas ekspres dan penunggang motosikal kerana kumpulan itu merupakan penyumbang utama kepada kemalangan jalan raya.

"Op Khas Motosikal pada tarikh yang sudah dikenal pasti juga akan dilakukan dengan tumpuan terhadap penunggang dan pembonceng," katanya. - Bernama